Ringkasan Pernyataan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) dan Standard bawah Seksyen 29(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Seksyen 33E(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) tentang Pembelian Inventori Berdasarkan Kontrak *Istisna`* Secara Selari

Bahagian I: Pernyataan MPS menurut seksyen 52(1)(a) Akta Bank Negara Malaysia 2009

MPS pada mesyuarat ke-245 bertarikh 23 Januari 2025 dan mesyuarat ke-247 bertarikh 29 April 2025, telah menetapkan bahawa cadangan struktur produk pembelian inventori berdasarkan kontrak *istisna`* secara selari adalah dibenarkan, seperti yang berikut:

1. Struktur produk pembelian inventori melibatkan dua (2) urus niaga *istisna`* antara tiga (3) pihak berkontrak, iaitu institusi Kewangan Islam (IKI), Pembeli Akhir dan Pengeluar yang juga merupakan pelanggan IKI:

   (i) Kontrak *istisna`* pertama adalah antara IKI dengan Pembeli Akhir, iaitu IKI bertindak sebagai penjual (*sani`*). Pengeluar bertindak sebagai wakil IKI untuk melaksanakan kontrak *istisna`* pertama dengan Pembeli Akhir; dan

   (ii) Kontrak *istisna`* kedua adalah antara IKI dengan Pengeluar, iaitu IKI merupakan pembeli (*mustasni`*) manakala Pengeluar bertindak sebagai penjual (*sani`*).

2. Pelaksanaan struktur *istisna`* secara selari yang dicadangkan perlu mematuhi syarat-syarat yang berikut:

   (i) Dua (2) kontrak *istisna`* tersebut perlu dilaksanakan secara terpisah dan tiada keterikatan antara keduanya. Pembatalan salah satu kontrak *istisna`* tidak boleh menyebabkan pembatalan kontrak *istisna`* yang satu lagi;

   (ii) Pengaturan *wakalah* antara IKI dengan Pengeluar untuk melaksanakan kontrak *istisna`* pertama perlu terpisah daripada kontrak *istisna`* kedua dan tiada keterikatan antara keduanya. Pembatalan kontrak *istisna`* kedua tidak boleh menggugurkan obligasi IKI dalam kontrak *istisna`* pertama; dan

   (iii) Sekiranya struktur *istisna`* secara selari tersebut melibatkan pengaturan *kafalah* (jaminan) daripada Pengeluar, maka pelaksanaan kontrak *kafalah* tersebut perlu terpisah daripada kontrak-kontrak lain.

Bahagian II: Peruntukan Undang-Undang dan Pemakaiannya

2.1. Bahagian 1 Pernyataan MPS ini dibuat menurut seksyen 52(1)(a) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (ABNM) dan seksyen 55(2)(a) ABNM.

2.2. Bank Negara Malaysia menetapkan Bahagian 1 Pernyataan MPS ini sebagai standard bawah seksyen 29(1) APKI dan seksyen 33E(1) AIKP, berkuat kuasa 17 Oktober 2025 dan terpakai

pada IKI yang berikut:

(i) bank Islam berlesen bawah APKI;

(ii) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen yang diluluskan bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam; dan

(iii) institusi yang ditetapkan dan diluluskan di bawah seksyen 33B(1) AIKP untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, versi bahasa Melayu akan diutamakan.